

Headline	Lelaki maut terpegang kabel		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Page No	45
ArticleSize	100 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 2,688		



Lelaki maut terpegang kabel

KANGAR - Seorang lelaki ditemui mati oleh penduduk kampung selepas dipercayai terkena kejutan elektrik di Kampung Padang Melangit, dekat sini, semalam.

Mangsa, Mohammad Demo Ali, 52, dipercayai maut setelah terpegang kabel yang menyokong tiang elektrik ke tanah ketika cuba keluar dari parit tempat mangsa menyerkap ikan.

Isteri mangsa, Norhayati Abdullah, 47, berkata, suaminya kerap keluar menyerkap ikan haruan.

"Ikan haruan itu selalunya kami akan jual bersama ikan laut di pasar pada esok pagi.

"Jadi pada malam Khamis, dia keluar seperti biasa untuk menyerkap ikan, saya kemudian macam biasa buat kerja rumah sebelum tunggu suami balik jam 12 malam," katanya.

Namun Norhayati dikejutkan dengan berita kematian suaminya itu setelah orang kampung menemui mangsa di tepi parit itu kira-kira jam 1.30 pagi, semalam.

Sementara itu, Ketua Polis Ibu Pejabat Polis (IPD) Kangar, Superintendan Abdul Rahman Mohd Noordin berkata, mangsa ditemui mati di Kilometer 4 Jalan Abi Kubang Badak di Kampung Padang Melangit.

Katanya, sebelum dibawa ke hospital, kakitangan Hospital Tuanku Fauziah (HTF) terpaksa memanggil kakitangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) terlebih dahulu untuk memotong bekalan elektrik setelah mayat mangsa didapati masih terdapat arus elektrik.

"Polis mengklasifikasikan kes ini sebagai kematian mengejut apabila tiada unsur jenayah berlaku," katanya kepada *Sinar Harian*.